

**DPMM Kelantan Sokong Penuh Barisan Kabinet Baharu Najib
Bernama
17 May, 2013**

KOTA BAHARU, 17 Mei (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Kelantan yakin barisan kabinet baharu yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mampu memberi impak besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Yang Dipertuanya Mohd Rosli Ismail menyifatkan pembentukan barisan kabinet yang terdiri daripada golongan berpengalaman, teknokrat dan muda sebagai gadingan mantap dan memenuhi cita rasa rakyat berbilang kaum.

Bercakap kepada pemberita di sini, beliau berkata mesyuarat jawatankuasa pengurusan DPMM Kelantan semalam mengambil ketetapan merakam ucapan tahniah dan menyokong penuh pelantikan barisan anggota kabinet yang diumumkan perdana menteri Rabu lepas.

"Sebagai golongan profesional, anggota dewan tetap memberi sokongan terhadap kerajaan yang ada hari ini yang diharap turut memberi impak kepada peniaga dan rakyat negeri ini," katanya.

Beliau juga mahu Majlis Perundingan Ekonomi yang diwakili badan gabungan NGO di bawah Dewan Perniagaan Melayu, Cina dan India diwujudkan bagi menyelaraskan pelaksanaan projek di bawah kerajaan persekutuan.

Mohd Rosli turut mengecam tindakan mereka yang cuba mengadakan protes jalanan ekoran wujudnya pihak yang tidak berpuas hati dengan mandat yang diberikan rakyat melalui keputusan pilihan raya itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=950327>